

23 JUN 2000

MEF-Gaji/I

GAJI MINIMUM RM900 TAK PRAKTIKAL, KATA MEF

KUALA LUMPUR, 23 Jun (Bernama) -- Dasar gaji minimum peringkat kebangsaan tidak praktikal atau sesuai dilaksanakan di Malaysia dan sebaiknya biarlah peringkat industri atau perusahaan memutuskannya, kata Persekutuan Majikan Malaysia (MEF) hari ini.

Presidennya Jafar Abdul Carrim berkata MEF lebih suka perjanjian bersama (CA) di peringkat perusahaan antara pengurusan, pekerja dan kesatuan sekerja mereka dan tidak ditentukan melalui penggubalan undang-undang.

"Sesetengah CA mempunyai gaji daripada RM340 hingga RM450 bagi kategori pekerja paling rendah dan ini jelas menunjukkan bahawa kadar yang dipersetujui sebenarnya adalah kadar pasaran," katanya pada sidang media di sini.

Jafar berkata cadangan oleh Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) bahawa gaji minimum negara ditetapkan RM900 sebulan daripada angka sebelumnya iaitu RM1,200 adalah tinggi daripada kadar sekarang.

Sebaliknya, Jafar berkata kerajaan harus mengeluarkan kenyataan yang tegas tentang dasar kenaikan gaji melalui peningkatan produktiviti agar negara kekal berdaya saing.

Beliau berkata beberapa syarikat telah berjaya melaksanakan sistem gaji berdasarkan produktiviti dalam pembuatan, perbankan, perkhidmatan dan sektor pertanian.

"Kita dapat menyesuaikan diri dengan baik dengan sistem sekarang. Kita berupaya bersaing dengan seluruh dunia dan setiap orang kini mendapat manfaatnya. Adakah kita mahu mengambil risiko sekarang?" katanya.

Jafar, yang juga Pengarah Urusan DMIB Berhad, berkata daripada merumuskan dasar gaji minimum kebangsaan, gaji pekerja harus berasaskan kepada industri, rantau dan spesifikasi kemahiran.

Beliau berkata dalam senario kepesatan inovasi teknologi dan cara baru menjalankan perniagaan, penekanan harus terhadap keanjalan dan kemampuan sistem gaji disesuaikan dengan perubahan dan tidak memperkenalkan sistem gaji kaku.

"Jika seorang peniaga kecil dipaksa membayar gaji minimum RM900, dia akan meletakkan kos itu kepada bahu pelanggan atau tutup kedai. Ini tidak produktif," katanya.

"Jika gaji minimum kebangsaan tinggi diguna pakai, maka kos roti canai, nasi lemak dan teh tarik kegemaran kita akan menjadi tiga hingga empat kali ganda lebih tinggi daripada kos sekarang," katanya.

Jafar berkata perkembangan ekonomi di negara sekarang membenarkan seseorang pekerja memilih kerja yang dia fikir sesuai dan mempunyai pilihan untuk bertukar kerja bagi bayaran lebih baik.

"Jadi, sistem terbaik ialah sesuatu yang berkaitan dengan peningkatan produktiviti," katanya.

Ditanya sama ada persekutuan itu sedia berjumpa MTUC untuk mencari penyelesaian, Jafar berkata beliau lebih suka sistem gaji dikendalikan oleh majikan dan pekerja mereka.

Katanya MEF menyokong penuh kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam mesej Hari Pekerja bahawa gaji minimum tinggi hanya akan membawa kepada kenaikan menyeluruh dalam bayaran dan gaji yang tidak mampu ditanggung oleh kerajaan dan sektor swasta.

-- BERNAMA

AR RHM MAI

